

Untuk Siaran Segera

Skype dan Panasonic Bergabung untuk Penambahan Perisian Dalam VIERA TV

*Gabungan ini membawa VIERA CAST ke peringkat baru dalam menawarkan
Komunikasi Suara dan Video dalam TV.*

Petaling Jaya, 25 Mac 2009 – Panasonic, peneraju utama dalam teknologi Definisi Tinggi dan hiburan sedia-ada web TV, dan Skype, peneraju utama dalam komunikasi Internet mengumumkan gabungan antara Skype dan Panasonic yang membolehkan pengguna membuat panggilan suara dan video melalui Skype dalam barisan produk VIERA CAST Panasonic 2010 yang akan dilancar dalam tahun ini.

Gabungan ini membawa Skype ke peringkat yang lebih bermakna bagi penggunaan televisyen di rumah yang sebelum ini hanya digunakan dalam computer dan telefon bimbit. *Skype on VIERA®* mempunyai banyak fungsi termasuk:

- Panggilan suara dan video Skype-ke-Skype dengan percuma
- Panggilan ke talian tetap atau telefon bimbit pada kadar Skype yang rendah.
- Pilihan untuk menerima panggilan melalui nombor *online* pengguna Skype.
- Mel suara Skype jika pengguna mempunyainya.
- Jemputan untuk menyertai panggilan persidangan suara sehingga 24 pengguna sekaligus.

“Penambahan Skype ke dalam VIERA CAST membawa Plasma TV kami ke peringkat yang lebih baru dan tinggi,” kata Jeff Lee, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia. “VIERA CAST dicipta untuk menawarkan pemilik TV VIERA Panasonic menikmati hiburan baru yang lebih jitu dan bermakna dengan memberikan para pengguna akses

kepada laman web popular. Pemilik TV VIERA Panasonic kini bukan sahaja dapat berkongsi gambar dan video melalui *online*, malah kini mampu berbual dengan keluarga dan rakan dalam keselesaan ruang tamu.

“Skype berjaya membuatkan panggilan video mudah, percuma dan mudah diakses. Hari ini, sebanyak 34% pengguna Skype menggunakan panggilan video. Penyebab utama mengapa pengguna Skype menikmati panggilan video adalah kerana ia mampu membuatkan pengguna merasa lebih serasi dengan rakan dan keluarga.

Televisyen adalah satu media yang mudah dan sesuai untuk berkomunikasi melalui video. Televisyen kini bukan hanya menjadi pusat hiburan manusia semata-mata, malah mempunyai potensi untuk menjadi pusat komunikasi manusia.

Untuk membuat panggilan video Skype menggunakan HD Penuh VIERA CAST sebuah kamera berprestasi tinggi yang dicipta khas dan dijual berasingan sebagai aksesori, disambungkan ke televisyen. Kamera tersebut disertakan dengan system mikrofon khas yang dapat mengecam suara dari jarak kerusi sofa. Ia juga mampu memberikan kualiti video berdefinasi tinggi sehingga 720p bergantung kepada kelajuan Internet pengguna.

VIERA CAST Panasonic telah pun dikenali secara am sebagai penerima aplikasi internet yang membenarkan pengguna untuk melihat laman-laman web pada skrin TV, dan bukan di atas skrin kecil komputer. VIERA CAST tidak memerlukan kotak luaran atau komputer. VIERA CAST diakses dengan penggunaan satu butang pada alat kawalan jauh dan tiada caj bayaran dikenakan untuk menggunakan fungsi VIERA CAST (beberapa servis VIERA CAST seperti VOD mempunyai struktur bayaran yang berasingan).

Skype kini termasuk dalam senarai tawaran laman web TV VIERA CAST Panasonic seperti YouTube™, Picasa Web Albums™, Berita Bloomberg dan maklumat cuaca.

Mengenai Skype

Skype adalah perisian yang membolehkan perbualan serantau dunia. Berjuta-juta individu dan perniagaan menggunakan Skype untuk membuat panggilan suara dan video secara percuma, menghantar pesanan ringkas dan berkongsi fail dengan pengguna Skype yang lain. Setiap hari, manusia di serata dunia juga menggunakan Skype untuk membuat panggilan kos rendah ke talian tetap dan telefon bimbit. Muat turun Skype ke komputer atau telefon bimbit di skype.com.

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke batteri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk siaran akhbar dan gambar, sila muat turun daripada www.pmpressroom.com

Perhubungan Media: Azizah Wahid
Pengurus Besar, Komunikasi Korporat Penjenamaan
Tel: 03 7809 7876 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 019 217 2730
Emel: azizah.wahid@my.panasonic.com

Simone Pan, Eksekutif, Komunikasi Korporat & Penjenamaan
Tel: 03 7809 7874 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 012 6945966
Emel: simone.pan@my.panasonic.com

Perhubungan Produk: Ho Lip Kee, Pengurus, Audio Visual Digital
Tel: 03 7809 7686 Mobile: 012 386 6788
Emel: lipkee.ho@my.panasonic.com

###